

sendiri, jika hidupnya di alam Akhirat kelak terjauh daripada segala nikmat yang kekal abadi, sedangkan dia mengetahui bahawa puteri-puteri Islam yang sedarah daging dengannya, mereka akan berada di samping Tuhan, hidup gembira dikelilingi oleh berbagai-bagai kemakmuran di taman syurga, sedang dia terasing jauh daripada mereka.

Sungguh mulia sekali fikiran dan pendapat Ibu Islam ini, kerana dia tidak berputus asa untuk menandingi puteri-puteri Islam yang telah sempat berbuah<sup>1</sup> jasa dan mencurahkan perkhidmatan mulia terhadap agama Islam. Dia ingin berbuat demikian, tetapi sayang masanya untuk berjuang seperti mereka itu sudah luput. Dengan itu dia terpaksa mengubah haluan perjuangannya hidup di alam taqwa dan zuhud, menghampirkan diri di samping Tuhan yang menjadikannya.

Dia tidak mahu menandingi keadaan hidup dengan orang-orang yang masih hidup pada zamannya; kerana yang demikian itu dia berasa bimbang yang dia akan tertarik kepada sifat-sifat sombong dan takabur yang sedang bermaharajalela di jiwa kebanyakan dari orang-orang yang hidup di zaman itu. Oleh sebab itu dia memilih jalan kedua untuk berlumba-lumba menandingi orang-orang yang telah lebih dahulu berjasa dengan pengorbanan-pengorbanan sucinya terhadap Islam. Orang-orang itu sudah pasti mendapat jaminan dari Allah untuk dikurniakan penghidupan bahagia yang kekal abadi di alam Akhirat.

#### Ziarah Palestin:

Setelah Saiyidah Nafisah selesai

daripada mengerjakan ibadat hajinya sebanyak tiga puluh kali dan pada haji yang akhir beliau berangkat dari Makkah al-Mukarramah menuju ke Baitul Maqdis (Palestin) bersama-sama dengan suaminya bernama Ishak bin Jaafar; dan setengah ahli sejarah mengatakan bersama ayahandanya Hassan bin Zaid. Sampai di bumi Palestin Saiyidah Nafisah pun terus ziarah ke Khalil (Hebron) mengunjungi makam Nabi Allah Ibrahim (*'alayhi al-salām*) dan makam nabi-nabi yang lain.

(bersambung)

#### Sifat Malu

##### Sifat Malu Mendatangkan Kebaikan

Ada pun sifat pemalu itu tiga jenis:

1. Malu kepada Allah.
2. Malu kepada manusia.
3. Malu kepada diri sendiri.

Erti malu kepada Allah itu hendaklah menjauhi diri daripada melakukan sebarang maksiat yang dilarang oleh Allah.

Erti malu kepada manusia itu ialah menjauhi diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan zalim dan aniaya terhadap sesama manusia lemah yang tak berdaya.

Dan erti malu kepada diri sendiri itu ialah menjauhi diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan ahat yang akan merosakkan nama dan menjatuhkan maruah diri sendiri.

Ketiga-tiga jenis sifat malu tadi kalau sentiasa diamalkan oleh setiap orang Islam akan menjadikan orang itu benar-benar beriman kepada Allah, dan benar-benar mempunyai sifat kemanusiaan yang sempurna. – makna hadith.

#### Tahukah tuan...?



Cara-cara menghiasi rumah dengan meletakkan kotak-kotak cermin yang mengandungi ikan-ikan emas dan ikan-ikan berlaga yang berwarna-warni bukanlah suatu adat yang baharu diciptakan pada zaman *modern* ini. Tetapi ia adalah suatu adat lama yang telah biasa dilakukan dari sejak zaman empayar Rom di beberapa abad yang silam, orang-orang Roman menurut sejarah paling banyak sekali mengeluarkan perbelanjaan dalam soal memelihara ikan-ikan emas dijadikan perhiasan di dalam rumah-rumah mereka. Di samping itu China juga adalah suatu bangsa tua yang sangat gemar memelihara anak-anak ikan yang berwarna-warni di dalam rumah-rumah mereka. Anak-anak ikan yang mereka pelihara itu diletakkan di dalam mangkuk-mangkuk kaca yang kecil dan indah. Kemudian mereka letakkan di tengah-tengah meja sebagai perhiasan.

#### Kata-kata hikmah

Hendaklah engkau bergaul dengan orang-orang alim dan dengarlah akan perkataan para hukama', kerana Allah Ta'ālā menghidupkan hati yang mati itu dengan cahaya sinaran hikmah, bagaimana ia menyuburkan bumi dengan air hujan yang lembut.

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah berbuat.